



KERAJAAN MALAYSIA

**ARAHAN YAB PERDANA MENTERI NO. 1
TAHUN 2024**

**JENTERA PENYELARASAN
PELAKSANAAN DASAR MEMBANTERAS
GEJALA DADAH NEGARA**



KERAJAAN MALAYSIA

**ARAHAN YAB PERDANA MENTERI NO. 1
TAHUN 2024**

**JENTERA PENYELARASAN PELAKSANAAN
DASAR MEMBANTERAS
GEJALA DADAH NEGARA**

**AGENSI ANTIDADAH KEBANGSAAN
KEMENTERIAN DALAM NEGERI**

KANDUNGAN

MUKA SURAT

TUJUAN	3
LATAR BELAKANG	3
MODUS OPERANDI JENTERA PENYELARASAN	8
PELANTIKAN AHLI-AHLI JEMPUTAN	9
PERUBAHAN KEPADA NAMA, PENGURUSI, KEANGGOTAAN DAN FUNGSI MAJLIS DAN JAWATANKUASA BERTINDAK	10
GARIS PANDUAN PELAKSANAAN ARAHAN	10
PERANAN AGENSI ANTIDADAH KEBANGSAAN	10
TARIKH KUAT KUASA	10
PENUTUP	11
LAMPIRAN A	12

ARAHAN YAB PERDANA MENTERI NO. 1 TAHUN 2024

JENTERA PENYELARASAN PELAKSANAAN DASAR MEMBANTERAS GEJALA DADAH NEGARA

1. TUJUAN

- 1.1 Arahan ini dikeluarkan untuk mewujudkan Jentera Penyelarasan Pelaksanaan Dasar Membanteras Gejala Dadah di peringkat Kebangsaan, Negeri dan Daerah bagi merealisasikan matlamat dadah terkawal serta menetap dan memperincikan panduan bagi melaksanakan Arahan ini.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Usaha Kerajaan Malaysia di peringkat awal untuk membasmi gejala dadah adalah melalui strategi penguatkuasaan iaitu dengan menguatkuaskan Akta Dadah Berbahaya 1952. Agensi-agensi yang bertanggungjawab melaksanakan tugas penguatkuasaan di bawah Akta tersebut pada masa itu ialah Kementerian Kesihatan, Jabatan Kastam Diraja Malaysia dan Polis Diraja Malaysia.
- 2.2 Pada Tahun 1972 Kerajaan telah menujuhkan Biro Narkotik Pusat (*Central Narcotics Bureau*) di bawah Kementerian Undang-Undang untuk melaksanakan tugas-tugas penguatkuasaan dan juga menjalankan usaha pencegahan, penyelarasan dan penyelidikan.
- 2.3 Memandangkan gejala dadah semakin serius, maka pada tahun 1975 Kerajaan menujuhkan **Jawatankuasa Kabinet Mengenai Dadah (JKMD)**. JKMD dipengerusikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri. Tanggungjawab JKMD adalah untuk menyemak dan menetapkan dasar mengenai penggunaan, pencegahan dan pembasmian dadah. Bagi membantu JKMD melaksanakan tanggungjawabnya, **Unit Bertindak Eksekutif (UBE)** ditubuhkan pada tahun 1978. UBE dipengerusikan oleh Timbalan Menteri Dalam Negeri dan bertanggungjawab menyelaras pelaksanaan segala keputusan dan perakuan mengenai pengawalan dan pencegahan dadah yang dibuat oleh JKMD.
- 2.4 Pada tahun 1983, Kerajaan mendapati masalah dadah bukan lagi sekadar masalah sosial tetapi telah mula dianggap sebagai ancaman kepada keselamatan negara. Justeru YAB Perdana Menteri telah mengisyiharkan dadah sebagai Musuh Nombor Satu Negara semasa melancarkan Hari Antidadah Kebangsaan pada 19 Februari 1983.

- 2.5 Lanjutan dari perkembangan ini, Jemaah Menteri dalam mesyuarat pada 22 Jun 1983 telah meluluskan penubuhan **Jawatankuasa Antidadah (JKAD) dan Pasukan Petugas Antidadah (PPAD)** untuk bertanggungjawab kepada Majlis Keselamatan Negara dalam semua aspek masalah dadah. Berikutan penubuhan JKAD dan PPAD, Jawatankuasa Kabinet Mengenai Dadah (JKMD) dan lain-lain jawatankuasa antidadah serta jawatankuasa kecil yang ditubuhkan di bawahnya di peringkat Kebangsaan, Negeri dan Daerah telah dimansuhkan. Untuk melaksanakan keputusan Jemaah Menteri tersebut YAB Perdana Menteri telah mengeluarkan **Arahan No. 13 Majlis Keselamatan Negara bertarikh 10 September 1983**.
- 2.6 Perkembangan selanjutnya pada tahun 1995, Kementerian Dalam Negeri telah mencadangkan kepada YAB Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri untuk menggabungkan semua agensi/unit yang bertanggungjawab menangani masalah dadah kepada satu agensi tunggal. Agensi-agensi yang terlibat ialah *Bahagian Rawatan dan Pemulihan Dadah, KDN; Pasukan Petugas Antidadah, JPM; Unit Pencegahan Penyaluduan, JPM; Cawangan Antidadah, PDRM; Bahagian Farmasi, Kementerian Kesihatan; Unit Khas Dadah, Kementerian Pendidikan dan Unit Narkotik, Jabatan Kastam Diraja Malaysia*.
- 2.7 Pada 7 Februari 1996, Jemaah Menteri telah membuat keputusan bersetuju menggabungkan Bahagian Rawatan dan Pemulihan Dadah, KDN; Pasukan Petugas Antidadah, JPM dan Cawangan Antidadah, PDRM menjadi satu agensi tunggal yang dinamakan **Agensi Dadah Kebangsaan (ADK)**. Bagaimanapun atas persetujuan YAB Perdana Menteri, Cawangan Antidadah, PDRM terus dikekalkan di bawah PDRM. Fungsi dan tanggungjawab ADK ialah untuk memberi khidmat urus setia kepada Majlis Dadah Kebangsaan (MDK) dan menjadi salah satu agensi pelaksana membanteras dadah di samping 20 agensi kerajaan yang lain.
- 2.8 Jemaah Menteri dalam mesyuarat yang sama juga telah meluluskan penubuhan **Majlis Dadah Kebangsaan (MDK)** yang mana fungsi dan peranannya adalah untuk menentukan dasar dadah negara, menyelaras pelaksanaan, menyelia dan memantau semua program/aktiviti antidadah Kerajaan dan pertubuhan bukan kerajaan. MDK dipengerusikan oleh Menteri Dalam Negeri dan salah seorang Timbalan Menteri Dalam Negeri telah dilantik sebagai Timbalan Pengerusi. Dengan penubuhan MDK, maka JKAD dan semua jawatankuasa yang ditubuhkan di peringkat Persekutuan, Negeri dan Daerah di bawah Arahan No. 13 Majlis Keselamatan Negara telah dimansuhkan.

- 2.9 Sejarah dan latar belakang tersebut telah menunjukkan bahawa dari semasa ke semasa perubahan-perubahan dibuat ke atas jentera penyelarasan pelaksanaan dasar membanteras gejala dadah di negara ini antara tahun 1975 hingga Februari 1996. Dalam era JKMD dan JKAD, keanggotaan kedua-dua mekanisme tersebut melibatkan peringkat Menteri Kabinet, Ketua Setiausaha dan Ketua Pengarah Jabatan/Agensi Kerajaan yang berkaitan. Walau bagaimanapun, keahlian MDK yang ditubuhkan pada 7 Februari 1996 tidak langsung melibatkan penyertaan Menteri Kabinet atau Ketua Setiausaha kecuali Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri sahaja.
- 2.10 Setiap kali perubahan-perubahan yang dilakukan bertujuan untuk memantapkan lagi keupayaan jentera penyelarasan/pelaksanaan membanteras gejala dadah. Namun begitu, sejak tahun 1983, usaha membanteras dadah dilaksanakan secara serius oleh Kerajaan dan setelah penubuhan Majlis Dadah Kebangsaan, gejala dadah masih terus menjadi ancaman kepada keselamatan negara.
- 2.11 Perkembangan terkini senario kedudukan penagih dadah, rampasan dadah, jumlah pesalah dadah dan kemunculan dadah jenis sintetik menunjukkan bahawa gejala dadah di negara ini masih berada pada tahap yang membimbangkan. Justeru kedudukan yang membimbangkan ini amat perlu disekat dan ditangani secara lebih bersungguh-sungguh dan tidak dibiarkan menjadi lebih parah dan tidak terkawal.
- 2.12 Kajian mendapati bahawa sebahagian dari ketidakupayaan membanteras gejala dadah di negara ini disebabkan tidak wujudnya jentera penyelarasan pelaksanaan yang tersusun rapi di peringkat Kebangsaan, Negeri dan Daerah yang berupaya menggembungkan tenaga serta penglibatan semua agensi kerajaan berkaitan, badan-badan bukan kerajaan (NGO), sektor swasta dan masyarakat umum.
- 2.13 Bagi mengatasi kelemahan-kelemahan yang dikenal pasti dan ke arah mencapai matlamat Malaysia bebas dadah menjelang tahun 2015, Jemaah Menteri dalam mesyuarat bertarikh 28 Januari 2004 telah bersetuju menubuhkan **Jawatankuasa Kabinet Membanteras Gejala Dadah (JKMD)** sebagai badan tertinggi negara bagi menggantikan MDK. Di bawah JKMD, jentera-jentera pelengkap seperti yang berikut telah dibentuk:
- i. Majlis Tindakan Membanteras Dadah Kebangsaan (MTMD);
 - ii. Jawatankuasa Bertindak Penguatkuasaan Undang-Undang (JPU);

- iii. Jawatankuasa Bertindak Rawatan dan Pemulihan (JRP);
 - iv. Jawatankuasa Bertindak Pencegahan, Pendidikan dan Publisiti (JPPP);
 - v. Majlis Tindakan Membanteras Dadah (MTMD) Negeri; dan
 - vi. Majlis Tindakan Membanteras Dadah (MTMD) Daerah/Bahagian.
- 2.14 Rasional bagi penubuhan JKMD dan jentera-jentera penyelarasan pelaksanaan di bawahnya adalah berdasarkan faktor-faktor seperti yang berikut:
- i) Penglibatan rakan strategik dan rakan pintar**
 - a. Tindakan membanteras gejala dadah bukan sahaja tugas dan tanggungjawab agensi-agensi utama seperti Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Kesihatan, Kementerian Pendidikan, Kementerian Belia dan Sukan, Polis Diraja Malaysia dan sebagainya sahaja, malah memerlukan tindakan bersepdu lagi terarah oleh semua agensi Kerajaan, badan-badan bukan kerajaan (NGO) serta masyarakat umum yang turut mempunyai peranan penting.
 - b. Gejala dadah berpunca daripada pelbagai faktor seperti kelemahan institusi keluarga, institusi masyarakat, kurang/tiada disiplin individu, kemiskinan, tahap pendidikan dan kelemahan pegangan agama atau nilai-nilai murni. Faktor-faktor berkenaan saling melibatkan tugas/tanggungjawab keseluruhan agensi kerajaan/NGO/masyarakat umum.

ii) Komitmen Malaysia kepada ASEAN

Negara-negara ASEAN komited untuk terus melaksanakan *ASEAN Work Plan on Securing Communities Against Illicit Drugs (2016 – 2025)* dengan sentiasa mengamalkan prinsip menghormati hak dan kedaulatan negara ahli dalam memutuskan kaedah serta polisi terbaik untuk dilaksanakan dalam membanteras gejala dadah sama ada di peringkat ASEAN atau di negara masing-masing. Komitmen ini dipersetujui semasa 8th ASEAN Ministerial Meeting on Drug Matters (8th AMMD) yang telah diadakan pada 9 hingga 12 Ogos 2023 di Vientiane, Lao PDR.

iii) Komitmen politik

- a. Komitmen di peringkat Jemaah Menteri adalah penting dan sangat diperlukan bagi memastikan segala tindakan Kerajaan menangani permasalahan negara dapat dilaksanakan dengan jayanya. Ini dapat dilihat daripada penubuhan beberapa Jawatankuasa Kabinet seperti Jawatankuasa Kabinet Mengenai Setinggan, Jawatankuasa Kabinet Mengenai Pekerja Asing, Jawatankuasa Kabinet Menangani Gejala Sosial dan Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Antirasuah.
 - b. Penglibatan Menteri-menteri Kabinet yang berkaitan akan dapat memastikan penglibatan/komitmen pegawai-pegawai tinggi semua agensi kerajaan dan NGO sentiasa berada di tahap yang tinggi.
- 2.15 Arahan ini telah ditambah baik dan dipinda dengan melibatkan perkara seperti yang berikut:
- i. Struktur jentera penyelarasan pelaksanaan dasar membanteras gejala dadah negara lebih fleksibel dan memenuhi keperluan semasa.
 - ii. Hanya satu jentera penyelarasan bagi menggantikan tiga jawatankuasa bertindak supaya proses membuat keputusan lebih cepat, lancar dan holistik.
 - iii. Penyusunan semula MTMD peringkat Wilayah Persekutuan (Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan).
 - iv. Fungsi dan keahlian diperkemaskan di semua peringkat selaras dengan perubahan struktur pentadbiran kerajaan.
 - v. Kekerapan mesyuarat bagi semua peringkat jentera diselaraskan kepada sekurang-kurangnya dua (2) kali setahun.

3. MODUS OPERANDI JENTERA PENYELARASAN PELAKSANAAN

- 3.1 Jentera penyelarasan pelaksanaan dasar membanteras gejala dadah di negara ini adalah seperti yang berikut:

PERINGKAT KEBANGSAAN

i. Jawatankuasa Kabinet Membanteras Gejala Dadah (JKMD)

JKMD adalah badan tertinggi dalam struktur jentera penyelarasan pelaksanaan membanteras dadah yang dipengerusikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri. Ahli-ahlinya terdiri dari Menteri Kabinet, Ketua Setiausaha Negara, Peguam Negara, Panglima Angkatan Tentera, Ketua Polis Negara, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam dan Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri yang akan bertindak selaku Setiausaha kepada JKMD. Keahlian penuh, fungsi-fungsi dan kekerapan mesyuarat JKMD diperjelaskan dalam Garisan Panduan Pelaksanaan Arahan No.1 Tahun 2024 seperti di **Lampiran A**.

ii. Majlis Penyelarasan Jawatankuasa Kabinet Membanteras Gejala Dadah (MPJKMD)

MPJKMD ditubuhkan bagi memastikan segala dasar dan keputusan yang dibuat oleh JKMD dilaksanakan dengan penuh komitmen dan secara berterusan oleh agensi-agensi pelaksana yang berkaitan serta badan-badan bukan kerajaan dan masyarakat umum. Senarai keahlian, fungsi-fungsi dan kekerapan mesyuarat Majlis Penyelarasan Jawatankuasa Kabinet Membanteras Gejala Dadah (MPJKMD) adalah seperti di **Lampiran A**.

PERINGKAT NEGERI

i. Majlis Tindakan Membanteras Dadah (MTMD) Peringkat Negeri

MTMD Peringkat Negeri ditubuhkan bagi memastikan segala keputusan yang dibuat oleh JKMD/MPJKMD dilaksanakan dengan penuh komitmen dan secara berterusan oleh agensi-agensi pelaksana di peringkat negeri. Senarai keahlian, fungsi-fungsi dan kekerapan mesyuarat MTMD Peringkat Negeri adalah seperti di **Lampiran A**.

PERINGKAT DAERAH / BAHAGIAN

i. Majlis Tindakan Membanteras Dadah (MTMD) Peringkat Daerah/Bahagian

MTMD Peringkat Daerah atau Bahagian bagi Sarawak sahaja ditubuhkan bagi memastikan segala keputusan yang dibuat oleh JKMD, MPJKMD dan MTMD Peringkat Negeri dilaksanakan dengan penuh komitmen dan secara berterusan oleh agensi-agensi pelaksana di peringkat daerah/bahagian. Senarai keahlian, fungsi-fungsi dan kekerapan mesyuarat MTMD Peringkat Daerah/Bahagian adalah seperti di **Lampiran A**.

4. PELANTIKAN AHLI-AHLI JEMPUTAN

- 4.1 Pengerusi JKMD dan MPJKMD boleh menjemput dan melantik mana-mana Menteri/pegawai kerajaan/wakil sektor swasta/wakil badan bukan kerajaan sebagai ahli bersekutu (*co-opted members*) dari semasa ke semasa dengan mengambil langkah-langkah yang sesuai bertujuan mengawal perkara-perkara kerahsiaan kerajaan.
- 4.2 Pengerusi MTMD Peringkat Negeri dan MTMD Peringkat Daerah/Bahagian juga dibenarkan menjemput dan melantik mana-mana pegawai kerajaan/wakil sektor swasta/wakil badan bukan kerajaan sebagai ahli bersekutu (*co-opted members*) dari semasa ke semasa dengan mengambil langkah-langkah yang sesuai bertujuan mengawal perkara-perkara kerahsiaan kerajaan.
- 4.3 Sekiranya jawatan ahli Majlis/MTMD Peringkat Negeri tidak wujud di negeri/daerah atau diberi gelaran lain, urus setia boleh memperakukan kepada Pengerusi supaya pelantikan berkenaan dibuat atas nama ketua jabatan/agensi yang bertanggungjawab.
- 4.4 Kehadiran Menteri yang menjadi ahli JKMD adalah atas nama jawatan. Menteri perlu menamakan seorang Timbalan Menteri sebagai ahli ganti yang tetap untuk menghadiri mesyuarat sekiranya Menteri tidak dapat hadir.
- 4.5 Kehadiran ahli-ahli jawatankuasa selain dari Menteri juga adalah atas nama jawatan dan hanya boleh diwakilkan secara tetap kepada Timbalan sahaja atau seorang pegawai yang paling kanan dalam keadaan di mana tidak ada timbalan.

5. PERUBAHAN KEPADA NAMA, PENGERUSI, KEANGGOTAAN DAN FUNGSI MAJLIS DAN JAWATANKUASA BERTINDAK

- 5.1 YAB Perdana Menteri boleh meminda nama Majlis dan Jawatankuasa, menambah, meminda atau membatalkan keanggotaan dan fungsi mana-mana Majlis dan Jawatankuasa.
- 5.2 Menteri Dalam Negeri boleh membuat pindaan editorial ke atas Arahan YAB Perdana Menteri No 1 Tahun 2024.
- 5.3 Sebarang perubahan nama kementerian/jabatan/agensi tidak akan mengubah apa-apa keahlian dan fungsi jawatankuasa.

6. GARIS PANDUAN PELAKSANAAN ARAHAN

Garis Panduan untuk melaksanakan Arahan ini ditetap dan diperincikan sepertimana di **Lampiran A**.

7. PERANAN AGENSI ANTIDADAH KEBANGSAAN


Agenси Antidadah Kebangsaan bertanggungjawab merancang dan menggerakkan jentera penyelarasan pelaksanaan membanteras gejala dadah di seluruh negara bagi melaksanakan fungsi dan peranannya sebagaimana yang diperuntukkan dalam Akta Agenси Antidadah Kebangsaan 2004 [Akta 283].

8. TARIKH KUAT KUASA

- 8.1 Arahan ini berkuat kuasa bagi semua negeri dan berkuat kuasa dengan serta-merta.
- 8.2 Pindaan kepada Arahan ini akan dikeluarkan dari semasa ke semasa.
- 8.3 Arahan YAB Perdana Menteri No. 1 Tahun 2004 dibatalkan.

9. PENUTUP

Penubuhan jentera penyelarasan pelaksanaan yang baharu ini adalah merupakan langkah terbaharu kerajaan dalam usaha membanteras gejala dadah yang mengancam keselamatan negara. Pewujudan jentera penyelarasan pelaksanaan yang tersusun rapi di semua peringkat diharap berupaya menggembangkan tenaga serta penglibatan semua agensi kerajaan yang berkaitan, badan-badan bukan kerajaan (NGO) dan seluruh masyarakat bagi mencapai matlamat dadah terkawal di negara ini.



**DATO SERI ANWAR BIN IBRAHIM
PERDANA MENTERI MALAYSIA**

Putrajaya

Tarikh : 1/12/2023

**GARIS PANDUAN PELAKSANAAN
ARAHAH YAB PERDANA MENTERI
NO. 1 TAHUN 2024**

LAMPIRAN A



KERAJAAN MALAYSIA


**ARAHAN YAB PERDANA MENTERI NO. 1
TAHUN 2024**

**JENTERA PENYELARASAN PELAKSANAAN
DASAR MEMBANTERAS
GEJALA DADAH NEGARA**

**AGENSI ANTIDADAH KEBANGSAAN
KEMENTERIAN DALAM NEGERI**

1. JENTERA PENYELARASAN PELAKSANAAN DASAR MEMBANTERAS GEJALA DADAH NEGARA

1.1 Struktur Jentera Penyelarasan Pelaksanaan Dasar Membanteras Gejala Dadah Negara digambarkan seperti yang berikut:



- 1.2 Selaras dengan kehendak Arahan No. 1 Tahun 2024, Jentera Penyelarasan Pelaksanaan Dasar Membanteras Gejala Dadah Negara ditubuhkan di semua peringkat pentadbiran negara.

PERINGKAT PERSEKUTUAN

1.2.1 Jawatankuasa Kabinet Membanteras Gejala Dadah (JKMD)

a) Keanggotaan

Pengerusi:

YAB Timbalan Perdana Menteri

Ahli:

1. Menteri Dalam Negeri
2. Menteri Komunikasi dan Digital
3. Menteri Kesihatan
4. Menteri Kewangan
5. Menteri Pengangkutan
6. Menteri Ekonomi
7. Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan
8. Menteri Pengajian Tinggi
9. Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
10. Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi)
11. Menteri Pendidikan
12. Menteri Perpaduan Negara
13. Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama)
14. Menteri Belia dan Sukan
15. Menteri Sumber Manusia
16. Ketua Setiausaha Negara (KSN)
17. Peguam Negara
18. Panglima Angkatan Tentera
19. Ketua Polis Negara
20. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
21. Ketua Pengarah Jabatan Kastam Diraja Malaysia
22. Ketua Pengarah Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia
23. Ketua Pengarah Jabatan Penjara Malaysia
24. Ketua Pengarah Agensi Antidadah Kebangsaan

YAB Pengurus boleh menjemput mana-mana kementerian/jabatan/organisasi/mana-mana pihak untuk menyertai mesyuarat.

Setiausaha:

Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri

Urus Setia:

Bahagian Kepenjaraan, Antidadah dan RELA (PDR)

b) Fungsi

- i. Menimbang dan mengesyorkan dasar-dasar membanteras gejala dadah berhubung tindakan pendidikan pencegahan dan kesedaran awam, penguatkuasaan undang-undang, rawatan, perubatan dan pemulihan dan kerjasama antarabangsa;
- ii. Menimbang dan mengesyorkan strategi dan pelan tindakan bersepada membanteras gejala dadah;
- iii. Menimbang dan mengesyorkan cadangan isu-isu dan keperluan kewangan yang dikemukakan oleh Majlis Tindakan Membanteras Dadah Negeri melalui Majlis Penyelaras Jawatankuasa Kabinet Membanteras Gejala Dadah (MPJKMD) dan jentera-jentera penyelaras pelaksanaan dasar di bawahnya;
- iv. Meneliti dan menilai laporan-laporan oleh Majlis Penyelaras Jawatankuasa Kabinet Membanteras Gejala Dadah (MPJKMD) dan Majlis Tindakan Membanteras Dadah Negeri; dan
- v. Melaporkan kepada Jemaah Menteri mengenai keputusan dan tindakan-tindakan membanteras gejala dadah.

c) Kekerapan Mesyuarat

Sekurang-kurangnya dua (2) kali setahun atau lebih kerap jika difikirkan perlu oleh YAB Pengurus.

1.2.2 Majlis Penyelarasan Jawatankuasa Kabinet Membanteras Gejala Dadah (MPJKMD)

a) Keanggotaan

Pengerusi:
Menteri Dalam Negeri

Ahli:

1. Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri
2. Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan
3. Ketua Setiausaha Kementerian Komunikasi dan Digital
4. Ketua Setiausaha Perbendaharaan
5. Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan
6. Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara.
7. Ketua Setiausaha Kementerian Pengajian Tinggi
8. Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
9. Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan
10. Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan
11. Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan
12. Ketua Setiausaha Kementerian Belia dan Sukan
13. Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Manusia
14. Ketua Polis Negara
15. Ketua Pengarah Jabatan Kastam Diraja Malaysia
16. Ketua Pengarah Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri
17. Ketua Pengarah Keselamatan Negara, Jabatan Perdana Menteri
18. Ketua Pengarah Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia
19. Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Jabatan Perdana Menteri
20. Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik, Polis Diraja Malaysia

Pengerusi boleh menjemput mana-mana kementerian/jabatan/organisasi/mana-mana pihak untuk menyertai mesyuarat.

Setiausaha:

Ketua Pengarah AADK
Kementerian Dalam Negeri

Urus Setia:

Agensi Antidadah Kebangsaan
Kementerian Dalam Negeri

b) Fungsi

- i. Menggubal dan mengesyorkan dasar-dasar membanteras gejala dadah berhubung tindakan pendidikan pencegahan dan kesedaran awam, penguatkuasaan undang-undang, rawatan, perubatan dan pemulihan dan kerjasama antarabangsa kepada JKMD;
- ii. Menggubal dan mengesyorkan strategi dan pelan tindakan bersepadu membanteras gejala dadah kepada JKMD;
- iii. Menggubal dan mengesyorkan cadangan isu-isu dan keperluan kewangan yang dikemukakan oleh Majlis Tindakan Membanteras Dadah Negeri dan jentera-jentera penyelarasan pelaksanaan di bawahnya;
- iv. Menggubal dan mengesyorkan laporan-laporan oleh Majlis Tindakan Membanteras Dadah Negeri dan jentera-jentera penyelarasan pelaksanaan dasar di bawahnya;
- v. Melaporkan kepada JKMD mengenai keputusan dan tindakan-tindakan membanteras gejala dadah; dan
- vi. Menubuhkan jawatankuasa khas (jika perlu) untuk melaksanakan sesuatu tugas yang ditentukan.

c) Kekerapan Mesyuarat

Sekurang-kurangnya dua (2) kali setahun atau lebih kerap jika difikirkan perlu oleh Pengerusi.

1.2.3 Majlis Tindakan Membanteras Dadah (MTMD) Peringkat Negeri

a) Keanggotaan

Pengerusi:

Premier/Menteri Besar/Ketua Menteri

Ahli:

1. Setiausaha Kerajaan Negeri
2. EXCO/Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri yang ditentukan oleh pengerusi
3. Penasihat Undang-Undang Negeri
4. Pegawai Kewangan Negeri
5. Pegawai-pegawai Daerah (Residen-residen Bahagian bagi Negeri Sarawak sahaja)
6. Panglima Briged Angkatan Tentera Malaysia
7. Ketua Polis Negeri
8. Pengarah Kesihatan Negeri
9. Pengarah Pelajaran Negeri
10. Pengarah Keselamatan Negeri
11. Pengarah Jabatan Agama Islam Negeri
12. Pengarah Penerangan Negeri
13. Pengarah Belia dan Sukan Negeri
14. Pengarah Kastam Diraja Malaysia Negeri
15. Pengarah Kebajikan Masyarakat Negeri
16. Pengarah Perpaduan Negara & Integrasi Nasional Negeri
17. Pengarah Jabatan Tenaga Kerja Negeri
18. Pengarah Jabatan Pengangkutan Jalan Negeri
19. Pengarah Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Negeri
20. Pengarah Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negeri
21. Pengarah Perikanan Negeri
22. Datuk Bandar/Yang Dipertua Pihak Berkuasa Tempatan (Ibu Negeri)
23. Pengarah RELA Negeri
24. Pengarah Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia Negeri
25. Yang Dipertua/Ketua Pegawai Eksekutif Majlis Agama Islam Negeri
26. Ketua jabatan/agensi persekutuan dan negeri yang ditentukan oleh Pengerusi

Pengerusi boleh menjemput mana-mana jabatan/organisasi/mana -mananya pihak untuk menyertai mesyuarat.

Setiausaha:

Pengarah AADK Negeri
Kementerian Dalam Negeri

Urus Setia:

Agensi Antidadah Kebangsaan Negeri
Kementerian Dalam Negeri

b) Fungsi

- i. Memantau dan memastikan penyelarasan pelaksanaan dasar, pelan tindakan, strategi dan program membanteras gejala dadah oleh semua agensi/organisasi berkaitan di peringkat Negeri, Daerah dan Bahagian;
- ii. Menilai prestasi dan mengenal pasti semua isu pelaksanaan di peringkat negeri dan merujukkannya kepada Jawatankuasa Kabinet Membanteras Gejala Dadah (JKMD)/Majlis Penyelarasan Jawatankuasa Kabinet Membanteras Gejala Dadah (MPJKMD) untuk penyelesaian;
- iii. Mengemukakan laporan kemajuan secara berkala kepada Jawatankuasa Kabinet Membanteras Gejala Dadah/Majlis Penyelarasan Jawatankuasa Kabinet Membanteras Gejala Dadah (MPJKMD); dan
- iv. Menubuhkan jawatankuasa khas (jika perlu) untuk melaksanakan sesuatu tugas yang ditentukan.

c) Kekerapan Mesyuarat

Sekurang-kurangnya dua (2) kali setahun atau lebih kerap jika difikirkan perlu oleh Pengerusi.

1.2.4 Majlis Tindakan Membanteras Dadah (MTMD) Peringkat Wilayah Persekutuan

a) Keanggotaan

Pengerusi:

Menteri Wilayah Persekutuan

Timbalan Pengerusi:

Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan/Ketua Pengarah Jabatan Wilayah Persekutuan

Ahli:

1. Datuk Bandar Kuala Lumpur
2. Presiden Perbadanan Putrajaya
3. Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Labuan
4. Panglima Briged Angkatan Tentera Malaysia
5. Ketua Polis Kuala Lumpur
6. Pengarah Kesihatan Negeri WP Kuala Lumpur dan Putrajaya
7. Pengarah Pendidikan Negeri WP Kuala Lumpur
8. Pengarah Majlis Keselamatan Negeri WP Kuala Lumpur
9. Pengarah Jabatan Agama Islam WP Kuala Lumpur
10. Pengarah Penerangan WP Kuala Lumpur
11. Pengarah Belia dan Sukan WP Kuala Lumpur
12. Pengarah Jabatan Kastam WP Kuala Lumpur
13. Pengarah Jabatan Imigresen WP Kuala Lumpur
14. Pengarah Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat WP Kuala Lumpur
15. Pengarah Perpaduan Negara WP Kuala Lumpur
16. Pengarah Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga WP Kuala Lumpur
17. Pengarah Kebajikan Masyarakat WP Kuala Lumpur
18. Pengarah Jabatan Pengangkutan Jalan WP Kuala Lumpur
19. Pengarah Jabatan Tenaga Kerja WP Kuala Lumpur
20. Pengarah RELA WP Kuala Lumpur
21. Ketua Pegawai Eksekutif Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan
22. Ketua jabatan/agensi di Wilayah Persekutuan yang ditetapkan oleh Pengerusi

Pengerusi boleh menjemput mana-mana jabatan/organisasi/mana -mananya pihak untuk menyertai mesyuarat.

Setiausaha:

Pengarah AADK Wilayah Persekutuan
Kementerian Dalam Negeri

Urus Setia:

Agensi Antidadah Kebangsaan Wilayah Persekutuan
Kementerian Dalam Negeri

b) Fungsi

- i. Memantau dan memastikan penyelarasan pelaksanaan dasar, pelan tindakan, strategi dan program membanteras gejala dadah oleh semua agensi/organisasi berkaitan di peringkat Negeri, Daerah dan Bahagian;
- ii. Menilai prestasi dan mengenal pasti semua isu pelaksanaan di peringkat Wilayah Persekutuan dan merujukkannya kepada Jawatankuasa Kabinet Membanteras Gejala Dadah (JKMD)/Majlis Penyelarasan Jawatankuasa Kabinet Membanteras Gejala Dadah (MPJKMD) untuk penyelesaian;
- iii. Mengemukakan laporan kemajuan secara berkala kepada Jawatankuasa Kabinet Membanteras Gejala Dadah (JKMD)/Majlis Penyelarasan Jawatankuasa Kabinet Membanteras Gejala Dadah (MPJKMD); dan
- iv. Menubuhkan jawatankuasa khas (jika perlu) untuk melaksanakan sesuatu tugas yang ditentukan.

c) Kekerapan Mesyuarat

Sekurang-kurangnya dua (2) kali setahun atau lebih kerap jika difikirkan perlu oleh Pengerusi.

1.2.5 Majlis Tindakan Membanteras Dadah (MTMD) Peringkat Daerah

a) Keanggotaan

Pengerusi:

Ahli Parlimen/EXCO

Pegawai Daerah (bagi Semenanjung)

Pegawai Daerah / Ketua Penolong Pegawai Daerah (bagi Sabah)

Ahli:

1. Ketua Polis Daerah
2. Pegawai Pendidikan Daerah
3. Pegawai Kesihatan Daerah
4. Pegawai Penerangan Daerah
5. Pegawai Belia dan Sukan Daerah
6. Pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah
7. Pegawai Perpaduan Daerah
8. Pegawai Pemerintah Tentera Terkanan
9. Pegawai Agama Daerah (KADI)
10. Pegawai Kemas Daerah
11. YDP Pihak Berkuasa Tempatan
12. Pegawai RELA Daerah

Pengerusi boleh menjemput mana-mana jabatan/organisasi/mana -mananya pihak untuk menyertai mesyuarat.

Setiausaha:

Ketua Pegawai AADK Daerah

Urus Setia:

Agensi Antidadah Kebangsaan Daerah

b) Fungsi

- i. Memantau dan memastikan penyelarasan pelaksanaan dasar, pelan tindakan, strategi dan program membanteras gejala dadah oleh semua agensi/organisasi berkaitan di peringkat Daerah yang diputuskan oleh JKMD dan MPJKMD;
- ii. Menilai prestasi dan mengenal pasti semua isu pelaksanaan di peringkat daerah dan merujukkannya kepada Majlis Tindakan Membanteras Dadah (MTMD) Peringkat Negeri untuk dibawa ke peringkat JKMD dan MPJKMD;

- iii. Mengemukakan laporan kemajuan secara berkala kepada Majlis Tindakan Membanteras Dadah (MTMD) Peringkat Negeri; dan
- iv. Menubuhkan jawatankuasa khas (jika perlu) untuk melaksanakan sesuatu tugas yang ditentukan.

c) Kekerapan Mesyuarat

Sekurang-kurangnya dua (2) kali setahun atau lebih kerap jika difikirkan perlu oleh Pengerusi.

1.2.6 Majlis Tindakan Membanteras Dadah (MTMD) Peringkat Labuan

a) Keanggotaan

Pengerusi:

Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Labuan

Ahli:

- 1. Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Labuan
- 2. Ketua Polis WP Labuan
- 3. Pengarah Jabatan Kastam Diraja Malaysia WP Labuan
- 4. Pengarah Kesihatan WP Labuan
- 5. Pengarah Pendidikan WP Labuan
- 6. Pengarah Belia dan Sukan WP Labuan
- 7. Pengarah Penyiaran WP Labuan
- 8. Pengarah Majlis Keselamatan Negara WP Labuan
- 9. Pengarah Jabatan Agama Islam WP Labuan
- 10. Pengarah Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat WP Labuan
- 11. Pengarah Kebajikan Masyarakat WP Labuan
- 12. Pengarah Perpaduan dan Integrasi Nasional WP Labuan
- 13. Pengarah Tenaga Kerja Kanan WP Labuan
- 14. Pengarah Jabatan Perikanan WP Labuan
- 15. Pengarah RELA WP Labuan
- 16. Pengarah Jabatan Laut WP Labuan
- 17. Pengarah Imigresen WP Labuan
- 18. Pengarah Pendaftaran Negara WP Labuan
- 19. Pengarah Penguinkuasaan Agensi Penguinkuasaan Maritim Malaysia WP Labuan

20. Komandan Pengkalan Udara WP Labuan
21. Ketua Cawangan Jabatan Pengangkutan Jalan WP Labuan

Pengerusi boleh menjemput mana-mana jabatan/organisasi/ mana-mana pihak untuk menyertai mesyuarat.

Setiausaha:

Ketua Pegawai AADK Daerah

Urus Setia:

Agensi Antidadah Kebangsaan Daerah

b) Fungsi

- i. Memantau dan memastikan penyelarasan pelaksanaan dasar, pelan tindakan, strategi dan program membanteras gejala dadah oleh semua agensi/organisasi berkaitan di peringkat Daerah yang diputuskan oleh JKMD dan MPJKMD;
- ii. Menilai prestasi dan mengenal pasti semua isu pelaksanaan di peringkat daerah dan merujukannya kepada Majlis Tindakan Membanteras Dadah (MTMD) Peringkat Negeri untuk dibawa ke peringkat JKMD dan MPJKMD;
- iii. Mengemukakan laporan kemajuan secara berkala kepada Majlis Tindakan Membanteras Dadah (MTMD) Peringkat Negeri; dan
- iv. Menubuhkan jawatankuasa khas (jika perlu) untuk melaksanakan sesuatu tugas yang ditentukan.

c) Kekerapan Mesyuarat

Sekurang-kurangnya dua (2) kali setahun atau lebih kerap jika difikirkan perlu oleh Pengerusi.

1.2.7 Majlis Tindakan Membanteras Dadah (MTMD) Peringkat Kuala Lumpur

a) Keanggotaan

Pengerusi:
Datuk Bandar Kuala Lumpur

Ahli:

1. Ketua Polis Daerah Sentul
2. Ketua Polis Daerah Wangsa Maju
3. Ketua Polis Daerah Dang Wangi
4. Ketua Polis Daerah Cheras
5. Ketua Polis Daerah Brickfields
6. Pegawai Pendidikan Daerah Bangsar/Pudu
7. Pegawai Pendidikan Daerah Keramat
8. Pegawai Pendidikan Daerah Sentul
9. Pengurus Kawasan DBKL Batu
10. Pengurus Kawasan DBKL Setiawangsa
11. Pengurus Kawasan DBKL Wangsa Maju
12. Pengurus Kawasan DBKL Segambut
13. Pengurus Kawasan DBKL Titiwangsa
14. Pengurus Kawasan DBKL Kepong
15. Pengurus Kawasan DBKL Lembah Pantai
16. Pengurus Kawasan DBKL Seputeh
17. Pengurus Kawasan DBKL Bukit Bintang
18. Pengurus Kawasan DBKL Bandar Tun Razak
19. Pengurus Kawasan DBKL Cheras
20. Pegawai Pejabat Kesihatan Daerah Cheras
21. Pegawai Pejabat Kesihatan Daerah Kepong
22. Pegawai Pejabat Kesihatan Daerah Titiwangsa
23. Pegawai Pejabat Kesihatan Daerah Lembah Pantai

Pengerusi boleh menjemput mana-mana jabatan/organisasi/ mana-mana pihak untuk menyertai mesyuarat.

Setiausaha:
Pengarah AADK Wilayah Persekutuan

Urus Setia:

Agensi Antidadah Kebangsaan Wilayah Persekutuan

b) Fungsi

- i. Memantau dan memastikan penyelarasan pelaksanaan dasar, pelan tindakan, strategi dan program membanteras gejala dadah oleh semua agensi/organisasi berkaitan di peringkat Daerah yang diputuskan oleh JKMD dan MPJKMD;
- ii. Menilai prestasi dan mengenal pasti semua isu pelaksanaan di peringkat daerah dan merujukkannya kepada Majlis Tindakan Membanteras Dadah (MTMD) Peringkat Negeri untuk dibawa ke peringkat JKMD dan MPJKMD;
- iii. Mengemukakan laporan kemajuan secara berkala kepada Majlis Tindakan Membanteras Dadah (MTMD) Peringkat Negeri; dan
- iv. Menubuhkan jawatankuasa khas (jika perlu) untuk melaksanakan sesuatu tugas yang ditentukan.

c) Kekerapan Mesyuarat

Sekurang-kurangnya dua (2) kali setahun atau lebih kerap jika difikirkan perlu oleh Pengerusi.

1.2.8 Majlis Tindakan Membanteras Dadah (MTMD) Peringkat Putrajaya

a) Keanggotaan

Pengerusi:

Presiden Perbadanan Putrajaya

Ahli:

1. Pegawai Kesihatan Daerah Putrajaya
2. Ketua Polis Daerah Putrajaya
3. Pegawai Pendidikan Daerah Putrajaya
4. Pegawai Belia dan Sukan Putrajaya
5. Pegawai Jabatan Agama Islam Cawangan Putrajaya
6. Ketua Cawangan Jabatan Pengangkutan Jalan Putrajaya
7. Pegawai Kebajikan Masyarakat Putrajaya
8. Pengarah Perpaduan dan Integrasi Nasional Putrajaya

9. Pegawai RELA Putrajaya
10. Ketua Cawangan Jabatan Pengangkutan Jalan Putrajaya
11. Pengerusi Majlis Perwakilan Penduduk Sub Zon 1
12. Pengerusi Majlis Perwakilan Penduduk Sub Zon 2
13. Pengerusi Majlis Perwakilan Penduduk Sub Zon 3
14. Pengerusi Majlis Perwakilan Penduduk Sub Zon 4
15. Pengerusi Majlis Perwakilan Penduduk Sub Zon 5
16. Pengerusi Majlis Perwakilan Penduduk Sub Zon 6

Pengerusi boleh menjemput mana-mana jabatan/organisasi/ mana-mana pihak untuk menyertai mesyuarat.

Setiausaha:

Ketua Pegawai AADK Putrajaya

Urus Setia:

Agensi Antidadah Kebangsaan Putrajaya

b) Fungsi

- i. Memantau dan memastikan penyelarasan pelaksanaan dasar, pelan tindakan, strategi dan program membanteras gejala dadah oleh semua agensi/organisasi berkaitan di peringkat Daerah yang diputuskan oleh JKMD dan MPJKMD;
- ii. Menilai prestasi dan mengenal pasti semua isu pelaksanaan di peringkat daerah dan merujukkannya kepada Majlis Tindakan Membanteras Dadah (MTMD) Peringkat Negeri untuk dibawa ke peringkat JKMD dan MPJKMD;
- iii. Mengemukakan laporan kemajuan secara berkala kepada Majlis Tindakan Membanteras Dadah (MTMD) Peringkat Negeri; dan
- iv. Menubuhkan jawatankuasa khas (jika perlu) untuk melaksanakan sesuatu tugas yang ditentukan.

c) Kekerapan Mesyuarat

Sekurang-kurangnya dua (2) kali setahun atau lebih kerap jika difikirkan perlu oleh Pengerusi.

1.2.9 Majlis Tindakan Membanteras Dadah (MTMD) Peringkat Bahagian Bagi Negeri Sarawak

a) Keanggotaan

Pengerusi:
Residen Bahagian

Ahli:

1. Pegawai-Pegawai Daerah
2. Ketua Polis Bahagian
3. Pegawai Pelajaran Bahagian
4. Pegawai Kesihatan Bahagian
5. Pegawai Penerangan Bahagian
6. Pegawai Belia dan Sukan Bahagian
7. Pegawai Kebajikan Masyarakat Bahagian
8. Pegawai Perpaduan dan Integrasi Nasional Bahagian
9. Pegawai Pemerintah Tentera Bahagian / Wilayah
10. Pegawai Agama Bahagian
11. Pegawai KEMAS Bahagian
12. YDP Pihak Berkuasa Tempatan
13. Pegawai RELA Daerah

Pengerusi boleh menjemput mana-mana jabatan/organisasi/ mana-mana pihak untuk menyertai mesyuarat.

Setiausaha:

Ketua Pegawai Agensi Antidadah Kebangsaan Daerah di mana terletak pejabat Residen Bahagian

Urus Setia:

Ketua Pegawai Agensi Antidadah Kebangsaan Daerah di mana terletak pejabat Residen Bahagian

b) Fungsi

- i. Memantau dan memastikan penyelarasan pelaksanaan dasar, pelan tindakan, strategi dan program membanteras gejala dadah oleh semua agensi/organisasi berkaitan di peringkat Daerah yang diputuskan oleh JKMD dan MPJKMD;

- ii. Menilai prestasi dan mengenal pasti semua isu pelaksanaan di peringkat daerah dan merujukkannya kepada Majlis Tindakan Membanteras Dadah (MTMD) Peringkat Negeri untuk dibawa ke peringkat JKMD dan MPJKMD;
- iii. Mengemukakan laporan kemajuan secara berkala kepada Majlis Tindakan Membanteras Dadah (MTMD) Peringkat Negeri; dan
- iv. Menubuhkan jawatankuasa khas (jika perlu) untuk melaksanakan sesuatu tugas yang ditentukan.

c) Kekerapan Mesyuarat

Sekurang-kurangnya dua (2) kali setahun atau lebih kerap jika difikirkan perlu oleh Pengerusi.

2. PANDUAN UMUM

2.1 Mesyuarat Jawatankuasa

- 2.1.1 Mesyuarat Majlis/Jawatankuasa hendaklah diatur oleh Urus Setia mengikut kekerapan mesyuarat yang ditetapkan;
- 2.1.2 Mesyuarat Majlis/Jawatankuasa hendaklah memberi tumpuan kepada fungsi-fungsi yang telah ditetapkan;
- 2.1.3 Mesyuarat Majlis/Jawatankuasa hendaklah mengelak dari membincangkan perkara-perkara yang sepatutnya boleh dibincang atau diselesaikan oleh forum yang lain.

2.2 Takwim Mesyuarat

- 2.2.1 Takwim mesyuarat Majlis/Jawatankuasa sepanjang tahun hendaklah dirancang sebaiknya sebelum bulan Januari setiap tahun dan diedarkan takwim berkenaan kepada semua ahli Majlis/Jawatankuasa; dan
- 2.2.2 Sekiranya mesyuarat tidak dapat diadakan pada tarikh yang ditetapkan, pihak Urus Setia hendaklah mencari tarikh lain sebagai ganti supaya agenda mesyuarat yang dijadualkan dapat dibincangkan.

2.3 Agenda Mesyuarat

- 2.3.1 Urus Setia hendaklah menyediakan agenda tetap atau berkala bagi mesyuarat sepanjang tahun berdasarkan fungsi-fungsi Majlis/Jawatankuasa yang telah ditetapkan. Perkara-perkara yang boleh dijadikan agenda tetap mesyuarat ialah seperti yang berikut:
- i. Pembentangan Senario Dadah Semasa:
 - a) Laporan Kadar Penagihan Dadah dan Kepulihan oleh AADK
 - b) Laporan Senario Ancaman Dadah Semasa oleh PDRM
 - ii. Pembentangan Kertas Pertimbangan/Makluman

3. PERANAN AHLI JAWATANKUASA

Merangka dan mencadangkan rancangan/program/aktiviti berkaitan membanteras dadah untuk pertimbangan jawatankuasa.

4. PERANAN PERTUBUHAN-PERTUBUHAN BUKAN KERAJAAN (NGO)

Agensi-agensi dikehendaki mewujudkan dan meningkatkan kerjasama melalui konsep perkongsian bijak dengan Pertubuhan-pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) yang berkaitan dan sentiasa mengambil kira sumbangan/peranan yang boleh diberi/disumbangkan oleh mereka dalam menjayakan program/aktiviti membanteras gejala dadah.

5. PENUTUP

Sebarang pertanyaan mengenai pelaksanaan Arahan YAB Perdana Menteri No.1 Tahun 2024 dan garis panduan ini hendaklah dikemukakan kepada:

Ketua Pengarah
Agensi Antidadah Kebangsaan
Kementerian Dalam Negeri
Jalan Maktab Perguruan Islam
43000 Kajang, Selangor

No. Telefon : 03 – 8911 2200
Laman Web : www.adk.gov.my
No. Faks : 03 – 8926 2055

